

JAWAB SEMUA SOALAN DENGAN BETUL DAN TEPAT.

Bahagian A : Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.



1. Papar tanda berlampu ialah papar tanda yang dipasang dengan _____.
2. Terdapat juga pemasangan _____ pada panel yang berbentuk penghurufan dan imej.
3. Panel kerangka berkotak menerima _____ cahaya lampu yang dipasang dalam papar tanda.
4. Jenis bahan yang digunakan untuk panel kerangka tunggal akrilik legap atau _____
Atau tarpaulin atau _____ yang tidak telus cahaya.
5. Imej dan penghurufan dihasilkan daripada pelekat vinil berwarna legap atau dicetak di atas permukaan panel dengan menggunakan _____.
6. Panel bagi papar tanda gabungan penghurufan atau imej 3D yang digunakan adalah bersifat _____.
7. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan panel gabungan penghurufan atau imej 3D ialah akrilik legap atau _____ atau polikarbonat atau colorbond.
8. Lampu LED jenis _____ dipasang pada bahagian permukaan atas panel yang membentuk penghurufan atau imej.
9. Lampu LED yang _____ membentuk rupa huruf atau imej pada permukaan panel.
10. Panel yang digunakan seperti akrilik legap, polikarbonat atau _____.

Bahagian B : Isi ruang kosong dalam kotak yang disediakan.



1. Memaparkan [] serta maklumat tentang logo, nama syarikat dan perkhidmatan.
2. Tarikan utama papar tanda jenis ini ialah [] yang digunakan.
3. Menyampaikan maklumat tentang sesuatu [] perniagaan yang dijalankan.
4. Konsep papar tanda berlampu yang [] dari segi warna, tipografi yang menarik perhatian.
5. Papar tanda berlampu yang [] mampu dilihat dan dibaca pada waktu malam.
6. Pengunjung mudah membaca [] papar tanda dengan jelas.

Bahagian c : Tandakan betul atau salah pada pernyataan yang diberi dalam ruangan yang disediakan.

1. Pisau pemotong akrilik digunakan untuk memotong penghurufan.	
2. Pita ukur digunakan untuk mendapatkan ukuran yang lurus.	
3. Mesin pencanai digunakan untuk memotong kepingan aluminium.	
4. Kikir halus digunakan untuk membersihkan kesan percikan logam yang dikimpal.	
5. Tiub keluli digunakan untuk menghasilkan kerangka berkotak.	
6. Wayar teras disambungkan pada rivet pada papir tanda berlampu.	
7. Skru benam digunakan untuk memasang balitan aluminium dan bingkai.	
8. Pop rivet digunakan untuk mencamtumkan wayar teras.	
9. Akrilik legap digunakan untuk papir tanda berlampu jenis kerangka.	
10. Magnet kimpalan memudahkan kerja kimpalan sudut tiub keluli.	